

PERKONGSIAN ILMU PAKAR PERTANIAN

FOTO ABDULLAH YUSOF



KLINIK pertanian diadakan pakar dari UPM dan MPN.

RENCANA
mengajurkan Karnival Usahawantani dan Klinik Pertanian.

Perak kini dalam usaha menjadi negeri pengeluar utama makanan di Malaysia. Bagi mencapai hasrat itu, pelbagai program diadakan termasuk mendedahkan golongan petani dengan teknologi pertanian terbaru ciptaan pakar dalam negara.

Terbaru, Kerajaan Negeri Perak dengan kerjasama Majlis Profesor Negara (MPN), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Jabatan Pertanian (DOA)

Program dianjurkan sempena Program Pemukiman Menteri Besar Perak Datuk Seri Dr Zamby Abd Kadir di Daerah Batang Padang di Dewan Merdeka dan Arena Merdeka, Tapah, baru-baru ini.

Terdapat pelbagai pengisian dalam program berkenaan antaranya pameran dan demonstrasi teknologi serta produk pertanian yang menawarkan perkongsian ilmu pakar pertanian negara berkenaan perludangan, ternakan,



SAARANI (tengah) melawat gerai pameran Karnival Usahawantani dan Klinik Pertanian Daerah Batang Padang.

akuakultur dan banyak lagi. Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian, Penerangan dan Pembangunan Modal Insan Perak Datuk Saarani Mohamad berkata, pelbagai aktiviti dan gerai pameran diadakan sempena karnival itu selari dengan tujuan mencapai hajat Perak sebagai negeri pengeluar makanan utama negara.

"Apa yang penting kali ini kita dapat perkongsian pintar dan bernasib baik apabila UPM dan MPN bersetuju menjayakan program ini.

"Antara yang hadir ini



ANTARA pameran diadakan pada Karnival Usahawantani dan Klinik Pertanian Daerah Batang Padang.

Karnival selaras usaha Perak menjadi pengeluar utama makanan negara

ialah pakar membabitkan profesor yang membuat kajian dan datang dengan hasil kajian mereka untuk dikongsi bersama petani di Perak, khususnya Daerah Batang Padang," katanya ketika ditemui selepas merasmikan karnival berkenaan.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UPM Prof Dr Ing. Ir V Renuganth dan Presiden yang juga Ketua Pegawai Eksekutif MPN Prof Datuk Dr Raduan Che Rose.

Saarani berkata, Perak mempunyai tanah yang subur tetapi tidak ramai orang melihat pertanian sebagai tanggungjawab kepada negara.

"Petani sangat penting kerana golongan sumber bekalan makanan negara. Terima kasih kepada petani yang ada namun kita perlukan lebih ramai lagi terutama belia.

"Apabila Menteri Besar mula melancarkan Misi Amanjaya 2.0 nanti, maka pertanian menjadi salah satu fokus utama Perak.

"Kami akan kerap bekerjasama dengan pihak lain terutama UPM sama ada melalui Agrofest yang diadakan setiap tahun atau melalui pemukiman kerana ada dua lagi pemukiman di Daerah Kinta dan Manjung atau pada program yang Exco Pertanian adakan kelak," katanya.

Menurutnya, kebanyakan petani percaya pada istilah atau slogan pertanian adalah perniagaan tapi ada yang gagal kerana kos tinggi berbanding pengeluaran.

"Contohnya untuk menternak ikan, kos makanan ikan mahal sedangkan kalau mereka ada ilmu untuk membuat makanan ikan sendiri mungkin boleh kurangkan kos.

"Kerana itu dari semasa ke semasa UPM menjadi sangat penting kerana mereka menghasilkan kajian terbaru untuk pertanian demi kebaikan industri pertanian tempatan tanpa perlu lagi mengimport teknologi luar yang mengakibatkan kos tinggi," katanya.

"Antara yang hadir ini

HARIAN METRO

JUMAAT 1 DISEMBER 2017

HARIAN METRO

JUMAAT 1 DISEMBER 2017



ANTARA aktiviti yang dilakukan dalam bengkel lukisan itu

Dalam sesi itu, mereka dibekalkan papan, pensel warna dan kertas lukisan. Uncle Uneh menunjukkan cara mewarna dengan betul sambil diselitkan sedikit guruan agar peserta terhibur.

"Malah, ibu bapa yang turut serta juga seronok. Selain itu, 'teknik rahsia' juga diajar kepada ibu bapa untuk menerangkan makna lukisan apabila ditunjukkan anak.

"Selapis berehat selama 30 minit, sesi seterusnya diteruskan oleh Fathullah. Ia bermula dengan perkongsian pengalamannya dalam bidang lukisan.

"Hari kedua, barulah peserta diajak berjalan-jalan untuk menunjukkan hasil lukisan sebenar daripada pelukis mahir yang dipamerkan di situ. Kemudian, barulah sesi belajar melukis dan mewarna dijalankan," katanya.

Sedikit sebanyak bengkel berkenaan memberi peluang kepada anaknya untuk melakukan aktiviti berbeza setiap kali tiba musim cuti sekolah.

Ujarnya, memang tidak dapat dinafikan, apabila tiba cuti sekolah dia dan suaminya turut merancang membawa ketiga-tiga anaknya pergi bercuti atau

ke pusat beli-belah.

Ini kerana aktiviti sebegini adalah salah satu cara meluangkan masa bersama anak. Namun, sekarang kita boleh lihat banyak pihak turut menyediakan bengkel dan program yang bermanfaat untuk kanak-kanak.

Memandangkan cuti sekolah baru bermula, dia tidak teragak-agak untuk menghantar anaknya menghadiri bengkel lukisan itu apatah lagi mereka memang suka melukis.

"Selama ini mereka melukis tanpa didikan yang khusus. Menerusi pendedahan seperti ini, masa mereka dapat dimanfaatkan. Bagi saya, kepentingan seni lukis kepada kanak-kanak perlu diterapkan pada usia muda.

"Ini kerana kanak-kanak dilahirkan dengan sifat yang dinamik dan berkembang mengikut fitrah semula jadi dalam proses tumbesaran mereka.

"Rasanya di setiap rumah ada 'hasil seni' yang dilakarkan pada dinding, buku, majalah mahu pun sofa. Sebagai ibu bapa, kita kena faham ia adalah perkara lumrah bagi kanak-kanak dan hasil kerja seni ini sebenarnya mempunyai fungsi tersendiri, sama ada sebagai saluran komunikasi atau menjadi refleksi pemikiran.

"Saya menganggap seni sebagai satu terapi dan sangat bagus diterapkan kepada kanak-kanak seawal umur empat tahun. Ia melatif fikiran mereka untuk menjadi kreatif," katanya.

Baginya, kehadiran anak dalam bengkel berkenaan dapat membimbing mereka dengan teknik mewarna terutama dari segi bancuan, kaedah penggunaan berus, pensel dan ruang dalam kanvas (komposisi subjek).

Jelasnya, proses belajar anak jangan dihadkan. Di bengkel melukis, apa yang dapat dilihat, anak dilatih belajar berdikari, berjumpa kawan baru dan bersosial, memahami arahan, kefahaman asas dalam seni lukisan serta beraspekmen dalam hidup.

Melalui cara itu, pandangan mereka terhadap orang lain dan seni itu sendiri lebih meluas, bak kata pepatah, 'melentur buluh biarlah daripada rebungnya'.